

Pilihanraya kecil Seri Gading: Harapan Tun Hussein

PARIT RAJA (Johor), Sabtu — Kawasan Parlimen Seri Gading perlu mempunyai wakil rakyat muda yang bersemangat agar dapat memikul tanggungjawab seperti yang diamanahkan oleh kerajaan dan rakyat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn, yang mengosongkan kerusi kawasan tersebut Selasa lalu percaya setiap ahli parti komponen Barisan Nasional di situ akan menyokong penuh calon pilihannya jika berlaku pertandingan dalam pilihanraya kecil itu bulan depan.

Tun Hussein berkata demikian di majlis perjumpaan Hari Raya dan perpisahan anjuran UMNO Bahagian Seri Gading di padang Sekolah Menengah Tun Ismail.

"Kalau dulu tuan-tuan memberi penuh kerjasama kepada saya selaku wakil rakyat di sini, berilah kerjasama yang sama kepada pengganti saya," katanya.

Inilah ucapan pertama Tun Hussein dalam perjumpaan ramai selepas beliau meletakkan jawatan Perdana Menteri.

Beliau mengulangi harapan agar setiap ahli UMNO mempertahankan prinsip parti, disiplin dan mempererat perpaduan.

Tun Hussein berharap mereka mengelakkan diri dari melakukan perkara-perkara yang boleh membawa perpecahan sesama sendiri.

"Dari itu, ahli-ahli UMNO harus berlaku adil dan ikhlas dalam satu-satu tindakan," ujarnya.

Terdahulu dari itu, Tun Hussein Onn dan Toh Puan Suhella diberi sambutan meriah sebaik sahaja turun dari kereta di pinggir jalan menuju sekolah tersebut.

Turut mengiringi mereka ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Othman Saat, wakil-wakil rakyat Johor, ketua-ketua jabatan dan Pegawai Daerah Batu Pahat.

Sementara itu, Tan Sri Haji Othman berkata, calon Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen Seri Gading mestilah merupakan anak tempatan yang berpengaruh serta disegani penduduk.